



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PENGAJIAN MALAYSIA</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>MPU 1013</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, B dan C.**
  - i. Jawab semua **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab **BAHAGIAN B** dan **C** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**



**BAHAGIAN A**

[ 20 Markah ]


Jawab **semua** soalan.

1. Zaman Prasejarah berikut telah dikenal pasti berlaku pada 35 ribu tahun dahulu melalui penemuan-penemuan Arkeologi. Kehidupan manusia pada zaman itu ialah memburu binatang dan menangkap ikan. Antara contoh pelempatan awal manusia zaman itu adalah Gua Badak Perak dan Gua Tingkayu (Sabah). Zaman tersebut merujuk kepada

A Zaman Paleolitik  
B Zaman Mesolitik

C Zaman Neolitik  
D Zaman Logam

2.



Rajah 1 adalah berkaitan Pendudukan Kuasa-kuasa Asing di Tanah Melayu. **X** merujuk kepada

A Sepayol  
B Jepun

C Perancis  
D China

3. Pilih pernyataan yang **benar** berkaitan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15.
- I Kerajaan Melayu Melaka mengamalkan pentadbiran demokrasi.
  - II Zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka terserlah semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah.
  - III Pandangan masyarakat Melayu Melaka terhadap institusi beraja berhubung rapat dengan konsep-konsep 'taat setia', 'daulat', 'derhaka' dan 'tulah'.
  - IV Kesultanan Melayu Melaka merupakan warisan daripada Kesultanan Majapahit di Pulau Jawa.

A I dan II  
B II dan III

C III dan IV  
D I dan III

4. Pilih padanan akhbar-akbar terawal di Tanah Melayu yang membangkitkan semangat kebangsaan dan pengasas yang **benar** bagi pernyataan berikut.

	JENIS AKHBAR	PENGASASNYA
A	<i>Al-Imam</i> (22 Julai 1906)	Syed Sheikh al-Hadi
B	<i>Al-Ikhwan</i> (16 September 1926)	Syed Sheikh al-Hadi
C	<i>Saudara</i> (29 September 1928)	Syed Sheikh al-Hadi
D	<i>Majlis</i> (17 Disember 1931)	Haji Abas Mohd Taha

5. Gagasan pembentukan Malaysia telah ditentang hebat oleh Indonesia di bawah pimpinan Presiden Sukarno kerana
- A ia akan mengancam keselamatan negara Indonesia.  
 B ia sebagai satu penjajahan bentuk baru.  
 C ia akan menghalang pembentukan Indonesia Raya.  
 D menganggap Tanah Melayu mempunyai kepentingan politik dan ekonomi dalam gagasan tersebut.

6.

- Raja berperlembagaan.
- Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara.
- Struktur dan sistem pemerintahan negara terdiri daripada tiga badan iaitu Badan Eksekutif, Legislatif dan Judisiari.
- Ada pilihan raya pada setiap 5 tahun.
- Wujud pelbagai parti politik.
- Parlimen tempat mengubal undang-undang negara.

**Jadual 1**

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan

- |           |                         |
|-----------|-------------------------|
| A Komunis | C Sosialis              |
| B Monarki | D Demokrasi Berparlimen |

7. Apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat percanggahan antara undang-undang Persekutuan dengan Perlembagaan Negeri?
- A Undang-undang Negeri akan terbatal.  
B Undang-undang Persekutuan akan terbatal.  
C Undang-undang Persekutuan akan terpakai, manakala Undang-undang Negeri akan terbatal.  
D Kedua-dua undang-undang tersebut akan dirombak semula.
8. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan, tetapi perlembagaan juga memberi kebebasan kepada semua individu untuk mengamalkan agamanya sendiri dengan cara aman dan harmoni di mana-mana bahagian Persekutuan. Raja atau sultan bertindak sebagai Ketua Agama Islam dinegerinya sendiri. Siapakah pula yang menjadi ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja?
- A Yang di-Pertuan Agong  
B Ketua Menteri  
C Yang Dipertua Negeri  
D Timbalan Yang di-Pertuan Agong
9. Manakah di antara pernyataan-pernyataan berikut sering dikaitkan sebagai masalah-masalah yang lahir dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?
- I Pemisahan tempat tinggal.  
II Pengasingan sistem pendidikan.  
III Fahaman dan tumpuan politik yang berbeza.  
IV Perbezaan warna kulit.
- A I dan II  
B I, II dan III  
C I, II dan IV  
D I, II, III dan IV
10. Tahap hubungan etnik di Malaysia telah berkembang sejak daripada zaman penjajahan hingga hari ini adalah mengikut urutan berikut.
- A Segregasi → Akomodasi → Asimilasi → Akulterasi → Amalgamasi  
B Amalgamasi → Asimilasi → Akulterasi → Akomodasi → Segregasi  
C Segregasi → Akomodasi → Akulterasi → Asimilasi → Amalgamasi  
D Akomodasi → Segregasi → Asimilasi → Akulterasi → Amalgamasi

11. Manakah di antara pernyataan-pernyataan di bawah adalah benar mengenai pembangunan negara?
- A Memajukan aspek fizikal dan kebendaan sahaja bagi sesebuah negara.  
B Mengkalkan taraf hidup masyarakat luar bandar daripada arus pemodenan  
C Merancang dan melaksanakan dasar-dasar untuk pertumbuhan ekonomi negara.  
D mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah masyarakat.
12. Manakah di antara pernyataan berikut merupakan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum?
- I pembukaan dan penerokaan tanah-tanah baru  
II memberi bantuan alat-alat pengeluaran pertanian  
III mengadakan seminar dan kursus pendek kepada petani  
IV memberi khidmat nasihat dan tujuk ajar dalam bidang berkaitan
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D I, II, III dan IV
13. Di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah merupakan asas utama dalam konsep 1Malaysia iaitu
- I penerusan agenda membina negara.  
II perpaduan kaum.  
III ketinggian pendidikan.  
IV pembangunan infrastruktur.
- A I dan II  
B I, II dan III  
C I, II dan IV  
D I, II, III dan IV
14. Antara objektif dasar ini untuk mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain dan memelihara serta menggunakan sumber asli secara mapan. Dasar ini merujuk kepada
- A Dasar Perindustrian Berat  
B Dasar Pertanian Negara  
C Dasar Wawasan Negara  
D Pelan Induk Perindustrian

15. Dasar luar Malaysia menekankan prinsip-prinsip berikut **kecuali**

- A dasar berkecuali
- B dasar agresif
- C dasar kerjasama
- D menentang dasar 'double standard' Barat

16.


- Memperkenalkan konsep Islam Hadhari.
- Menekankan Pembangunan Pertanian.
- Pernah dilantik menjadi pengerusi Negara-negara Berkecuali.
- Pelopor Pembangunan Modal Insan

### Jadual 2

Individu dalam Jadual 2 merujuk kepada

- A Tun Abdul Razak.
- B Tun Hussein Onn
- C Tun Abdullah Badawi
- D Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

17.



Rajah 2

Rajah 2 merupakan suatu contoh pencemaran udara disebabkan oleh pembebasan asap daripada serombong-serombong asap kilang-kilang di kawasan perindustrian. Bagaimanakah langkah yang diambil oleh kilang tersebut bagi mengurangkan berlakunya pencemaran ke kawasan sekitaranya?

- A Pihak kilang mengambil langkah menutup operasi kilang tersebut.


- B Membina serombong-serombong asap yang tinggi mengikut ketetapan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- C Mewujudkan suatu jawatan kuasa bertindak untuk menangani masalah pencemaran asap.
- D Memantau nilai indeks pencemaran udara dari masa ke semasa.
18. Manakah di antara pernyataan-pernyataan berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?
- I Tindakan PBB perlu berlandaskan arahan AS.
- II Prinsip PBB adalah untuk menjamin kedaulatan dan hak semua negara anggota serta tidak ada negara yang boleh campur tangan dalam hal ehwal negara lain.
- III Ia bertindak sebagai polis dunia.
- IV Ia berperanan berkaitan dengan politik dunia, iaitu perlaksanaannya melalui Perhimpunan Agung PBB dan Majlis Keselamatan PBB.
- A I, II dan III
- B I dan III
- C II dan IV
- D I, II, III dan IV
19. Peristiwa ini merupakan peristiwa di mana turunnya ayat al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhamad SAW semasa baginda berada di Gua Hira'. Apakah sambutan yang boleh dikaitkan dengan peristiwa tersebut?
- A Hari Raya Aidil Fitri
- B Keputeraan Nabi Muhammad SAW.
- C Maulidur Rasul
- D Nuzul al-Quran
20. Tarian "Sumazau" merupakan salah satu tarian yang popular bagi satu suku kaum di Sabah. Apakah suku kaum yang selalu dikaitkan dengan tarian ini?
- A Kadazan-Dusun
- B Semai
- C Bajau
- D Dayak

**BAHAGIAN B**

[ 60 markah ]

Jawab **semua** soalan.

1.



Rajah 3 menunjukkan peringkat-peringkat bagi proses membuat undang-undang di Malaysia.

- Namakan bahagian yang berlabel **P**, **Q** dan **X** di atas (3 Markah)
- Terangkan **tiga** fungsi parlimen di Malaysia. (6 Markah)
- Namakan undang-undang yang telah digubal di Dewan Undangan Negeri (DUN). (1 Markah)

2.

Perkara	Kandungannya
	Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.
152	
	Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan bumiputera Sabah / Sarawak seperti tanah rizab, biasiswa, kemudahan pendidikan, kemudahan khas (permit atau lesen).

**Jadual 3**

- a. Lengkapkan Jadual 3 di atas dengan menuliskan jawaban betul pada ruang kosong yang disediakan. (4 Markah)
- b. Apakah maksud Perlembagaan? (2 Markah)
- c. Terangkan **empat** ciri yang menunjukkan Perlembagaan Malaysia bersifat luhur. (4 Markah)


3.

**Rajah 4**

Rajah 4 adalah keratan akbar yang berkaitan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, malah penguasaan bertutur lambang jati diri dan bukti semangat cintakan negara. Bahasa Melayu juga merupakan salah satu alat untuk memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

- Terangkan maksud perpaduan kaum. (2 Markah)
- Jelaskan bagaimana Bahasa Melayu boleh digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. (4 Markah)
- Cadangkan satu lagi cara lain untuk memupuk perpaduan kaum di Malaysia. (4 Markah)

4.



Rajah 5 merupakan pendekatan 1Malaysia yang menjadi satu dasar yang telah diperkenalkan oleh YB Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Hj. Abd Razak pada 2009.

- Namakan bahagian yang berlabel W. (1 Markah)
- Jelaskan maksud "RAKYAT DIDAHULUKAN DAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN" dalam gagasan 1Malaysia. (5 Markah)
- Berikan **empat** daripada lapan nilai-nilai aspirasi yang terkandung dalam konsep 1Malaysia. (4 Markah)

5. a. Apakah maksud Modal Insan? (2 Markah)
- b. Senaraikan **tiga** kemahiran Modal Insan yang perlu dimiliki oleh pelajar IPT apabila bergraduat. (3 Markah)
- c. Nyatakan **dua** kepentingan Modal Insan kepada negara. (2 Markah)
- d. Jelaskan **satu** cara untuk memperkasakan pembangunan Modal Insan dalam kalangan generasi muda hari ini. (3 Markah)

6. a. Lengkapkan jadual di bawah sebab bagi perayaan itu dirayakan oleh kaum-kaum di negara ini. (3 Markah)

Perayaan	Sebab perayaan itu disambut
Hari Raya Haji	
Tahun Baru Cina	
Deepavali	

- b. Agama ialah sumber untuk manusia mengadu tentang permasalahan kehidupan. Terangkan **tiga** peranan agama kepada manusia. (3 Markah)
- c. Jelaskan empat elemen yang menjadi asas perhubungan dalam Islam. (4 Markah)

**BAHAGIAN C**

(20 markah)

Jawab **satu soalan** sahaja.

1. Anda telah dilantik menjadi pemimpin yang bertanggungjawab Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan dalam menangani cabaran dan halangan dalam mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia.

(20 Markah)

2. Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini perlu mempunyai pegangan agar kehidupan mereka berkemudi dan ada tempat untuk mengadu. Agama ialah sumber untuk manusia mengadu tentang permasalahan kehidupannya. Walau bagaimanapun di negara kita terdapat pelbagai kaum yang mengamalkan agama pilihan mereka masing-masing. Bincangkan dengan sokongan contoh-contoh yang sesuai mengenai toleransi agama di Malaysia.

(20 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

